

Penduduk Kepong Baru menuntut pampasan banjir

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

norsyariza.tahir@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Lebih 50 penduduk Taman Kepong Baru, Kepong di sini yang terjejas akibat banjir kilat di kawasan perumahan itu pada bulan April tahun lalu menuntut pampasan atas kerugian yang mereka alami.

Kejadian didakwa berpunca daripada tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membina tebing tanah bagi menjalankan kerja-kerja mendalamkan kolam Sri Segambut berhampiran.

Penduduk kesal kerana tuntutan berkenaan masih belum selesai sehingga sekarang sedangkan mereka terpaksa menanggung kerugian yang besar ekoran kejadian itu.

Ketua Pusat Khidmat Komuniti Kepong, Yee Poh Ping yang mewakili penduduk mendakwa, walaupun banyak perbincangan diadakan dengan JPS dan syarikat kontraktor yang menjalankan kerja-kerja terbabit sejak 10 bulan lalu, penduduk masih belum menerima pampasan yang sewajarnya.

“Penduduk kecewa apabila pihak insurans yang dilantik oleh kontraktor mengatakan penduduk tidak layak mendapat pampasan kerana ia disebabkan bencana alam.

“Dakwaan pihak insurans tidak boleh diterima kerana banjir kilat berpunca daripada kerja-kerja mendalamkan kolam Sri Segambut,” ujarnya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Jelasnya, berdasarkan perbincangan dengan JPS minggu lepas, kontraktor telah diarah memberi jawapan segera sama ada untuk membayar pampasan atau tidak.

“Kami beri tempoh sehingga 8 April



POH PING (berjaket kuning) dan penduduk melihat gambar banjir kilat yang melanda rumah mereka di Taman Kepong Baru, Kuala Lumpur baru-baru ini.

ini untuk pihak kontraktor memberikan jawapan.

“Jika jawapan yang diterima tidak memuaskan, penduduk akan mengadakan demonstrasi di hadapan ibu pejabat JPS dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar selain tindakan undang-undang terhadap kontraktor terbabit,” katanya.

Akhbar pada 18 April tahun lalu melaporkan kejadian banjir kilat di sekitar Jalan Antoi, Taman Kepong Baru yang menyebabkan 112 keluarga kerugian dianggarkan RMI juta.

Kejadian banjir kilat itu didakwa berpunca daripada tindakan JPS membina tebing tanah bagi menjalankan kerja-kerja mendalamkan kolam Sri Segambut berhampiran rumah penduduk.

Bersama Masyarak

Kelolaan LILY YEAN dan KUMARA SABAPATTY

Setiap hari Isnin hingga Jumaat



PARA pembaca daripada kalangan masyarakat Cina dan India yang ingin mengemukakan sebarang info boleh hubungi wartawan **Kosmo!**, LILY YEAN atau KUMARA SABAPATTY di talian 03-9221 4001 atau e-mel kepada berita@kosmo.com.my.